

Cubaan seludup petrol gagal

**Seorang lelaki
 dicekup di stesen
 minyak
 berhampiran
 sempadan**

HAZELEN LIANA
 KAMARUDIN

FANTAU PANJANG

Sorang lelaki dicekup ketika mengisi petrol dalam keadaan mencurigakan di sebuah stesen minyak berhampiran

sempadan di sini petang kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki itu ditahan oleh anggota penguatkuasa Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan setelah dilihat mengisi petrol ke dalam tangki sebuah kereta jenis Proton Waja dalam tempoh yang lama.

Menurutnya, pihaknya tidak menolak kemungkinan lelaki berusia 33 tahun itu mengisi minyak petrol dalam jumlah yang banyak untuk diseludup ke negara jiran.

"Enam tong plastik berisi petrol dijumpai di bahagian penumpang belakang



AZHARI

ketika pemeriksaan selain tangki minyak kenderaan didapati telah diubah suai.

"Terdapat 90 liter petrol dan nilai bahan api itu termasuk kenderaan dianggarkan RM10,000," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Markas Taktikal PGA di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua barang rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 manakala lelaki tersebut dibebaskan selepas diambil keterangan.



Tangki minyak kereta Proton Waja diubah suai untuk seludup petrol.